



KASIM (kedua dari kanan) menyampaikan cendera kenangan kepada Kamaruzaman.

## Tiada diskriminasi pemilihan kakitangan UMS: Naib Canselor

**Stephanie Lee DE 22-03-2012 3**

KOTA KINABALU: Tidak berlaku diskriminasi dalam pemilihan kakitangan di Universiti Malaysia Sabah (UMS), kata Naib Canselor, Prof Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampom, pada Rabu.

Katanya, pemohon, sama ada dari semenanjung, Sabah atau Sarawak, semuanya akan melalui prosedur yang sama, iaitu memohon untuk ditemuduga sebelum pemilihan dibuat.

Katanya, universiti itu tidak akan menggunakan alasan seperti `kamu bukan dari Sabah, jadi kami tidak akan ambil kamu bekerja di sini' terhadap mana-mana graduannya dan pemohon pada amnya.

"Jika seseorang itu layak untuk pekerjaan tertentu yang dipohon, dan dia menunjukkan minat, dedikasi, kesediaan untuk bekerja lebih masa dan bekerja seperti yang dikehendaki, maka saya pasti kamu akan mendapat pekerjaan sekiranya ada kekosongan," katanya.

Kamaruzaman berkata demikian ketika mengulas satu soalan yang dikemukakan seorang pelajar berhubung khabar angin kononnya pengurusan universiti itu memberi keutamaan kepada pelajar dari Sabah, setelah tamat latihan untuk memohon pekerjaan di UMS, semasa acara bersepadu dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

Juga, jelas beliau, sijil yang diberikan universiti itu diiktiraf di seluruh negara, jadi tidak banyak masalah bagi pelajar untuk mendapatkan pekerjaan di tempat lain.

Mengenai perkara lain, beliau berkata, aduan pelajar mengenai kurangnya bas dalam kampus untuk memenuhi keperluan mereka akan dikaji dan dibincangkan lebih lanjut.

"Kita mempunyai kira-kira 40 buah bas dalam universiti ini dan sepatutnya cukup untuk menampung semua keperluan pelajar dalam

satu-satu masa, tetapi kita akan kaji lebih lanjut dan lihat sama ada terdapat keperluan untuk menambah jumlah bas itu dan sebagainya," kata beliau.

Kamaruzaman menjelaskan, setiap keputusan yang dibuat perlu mengambil kira kebijakan pelajar.

"Kita boleh beli atau sewa lebih banyak bas, kita juga boleh menswastakan operasi bas di sini tetapi kita perlu pastikan pelajar tidak akan terbeban dengan tindakan kita.

"Dengan itu, kita perlu membincangkan perkara ini lebih lanjut sebelum sesuatu boleh dimuktamadkan," katanya.

Sementara itu, dalam ucapannya, beliau berkata, acara seperti itu antara jabatan berkenaan dan pelajar dapat memperkuatkan penyampaian perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan utama mereka - pelajar.

"Ini supaya mereka boleh belajar dalam suasana lebih baik dan juga memastikan kebijakan mereka dijalankan," kata Kamaruzaman.

Mengenai pentadbiran yang baik, beliau berkata, penyediaan pengurusan dan sistem penyampaian yang baik serta sistematik adalah penting.

"Dengan perkhidmatan berkualiti, kedua-dua belah pihak akan mendapat faedah. Ia juga boleh, menurut bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, mencegah sebarang kesalahan kecil yang boleh mencemarkan pembangunan negara," katanya.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Profesor Madya Datuk Dr. Kasim Mansur.

Agensi-agensi seperti pasukan polis, Jabatan Kesihatan, Tabung Haji dan juga Jabatan Sumber Manusia juga hadir dengan gerai masing-masing untuk memberi maklumat kepada para pelajar dan pengunjung.